

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: 06/08/2025

1 Apa itu Triple Growth?

Triple Growth menawarkan perlindungan insurans selama **20** tahun. Ia membayar manfaat kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) secara sekaligus sepanjang tempoh polisi. Selain itu, pelan ini juga menyediakan pembayaran tunai interim dijamin setiap tahun sehingga matang.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM194,900.00 setahun, anda akan menerima perlindungan/manfaat insurans hayat berikut.										
1	Manfaat Kematian	1) RM500,000 , TAMBAH sebarang tunggakan Pembayaran Tunai Interim Dijamin; atau 2) Jumlah premium tahunan terkini yang dibayar, yang mana lebih tinggi.								
2	Manfaat HUMK	1) RM500,000 , TAMBAH sebarang tunggakan Pembayaran Tunai Interim Dijamin; atau 2) Jumlah premium tahunan terkini yang dibayar, yang mana lebih tinggi akan dibayar sekiranya orang yang diinsuranskan mengalami HUMK sebelum ulang tahun ke-65.								
3	Manfaat Kematian/HUMK Akibat Kemalangan	Sekiranya kematian atau HUMK berlaku akibat kemalangan, tambahan 100% daripada jumlah yang diinsuranskan akan dibayar. Nota: a) Perlindungan kematian akibat kemalangan akan tamat pada ke-69 hari lahir orang yang diinsuranskan. b) Perlindungan HUMK akibat kemalangan akan tamat pada ke-65 hari lahir orang yang diinsuranskan								
4	Pembayaran Tunai Interim Dijamin	Dibayar setiap tahun bermula pada penghujung tahun pertama polisi sehingga penghujung tempoh polisi: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Pada Akhir Tahun Polisi</th><th style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Pembayaran Tunai Interim Dijamin (sebagai % daripada jumlah yang diinsuranskan asas)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1 sehingga 6</td><td style="text-align: center;">3%</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">7 sehingga 12</td><td style="text-align: center;">6%</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">13 sehingga 20</td><td style="text-align: center;">9%</td></tr> </tbody> </table>	Pada Akhir Tahun Polisi	Pembayaran Tunai Interim Dijamin (sebagai % daripada jumlah yang diinsuranskan asas)	1 sehingga 6	3%	7 sehingga 12	6%	13 sehingga 20	9%
Pada Akhir Tahun Polisi	Pembayaran Tunai Interim Dijamin (sebagai % daripada jumlah yang diinsuranskan asas)									
1 sehingga 6	3%									
7 sehingga 12	6%									
13 sehingga 20	9%									
5	Bonus	Pelan ini menyertai di dalam keuntungan dana sertaan syarikat dalam bentuk bonus berbalik mudah dan bonus terminal. Bonus ini akan dibayar sekiranya kematian atau HUMK berlaku, serahan atau polisi matang.								
6	Manfaat Matang	Pada tempoh matang, perkara berikut akan dibayar: 1) RM500,000 , TAMBAH semua bonus yang layak; dan 2) Pembayaran Tunai Interim Dijamin yang terkumpul (sekiranya ada); DITOLAK sebarang hutang akan dibayar. Pulangan tahunan untuk manfaat dijamin (Pembayaran Tunai Interim Dijamin dan manfaat matang) adalah -0.25%.								

Peringatan: Sila rujuk kepada ilustrasi jualan tentang maklumat produk ini. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Insuran hayat anda **mengecualikan**:

- * Bunuh diri – Jika kematian akibat membunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pengeluaran atau tarikh pengembalian semula terkini.
- * HUMK, kematian akibat kemalangan, HUMK akibat kemalangan, atau sebarang kecederaan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana perkara berikut:
 - a) Kecederaan diri sendiri yang disengajakan, bunuh diri atau cubaan membunuh diri ketika waras;
 - b) Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan, atau kekecohan awam.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Lawati kami di laman web ini¹



E-mel kami di info@etiqacom.my



Imbas kod QR

¹<https://www.etiqacom.my/savings/triple-growth-insurance>

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insuran hayat anda, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	RM194,900.00 setahun
---------	----------------------

Tempoh: Sehingga umur 46 tahun

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti Setem	RM10 akan dibayar oleh kami
------------	-----------------------------

Jumlah Komisen	10.88% dari jumlah premium atau RM127,269.70
----------------	--

Caj-caj Lain Yang Dikenakan

Tidak berkenaan

4 Syarat Utama Lain

- * Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul bagi membantu kami membuat keputusan yang betul untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma polisi anda. Jika tidak, anda mungkin berisiko mengakibatkan kontrak anda terbatas, tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- * Anda harus berpuas hati bahawa pelan itu memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium tersebut.
- * Tempoh tangguh – Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada anda untuk membayar premium yang perlu dibayar. Tempoh tangguh di bawah polisi ini adalah 31 hari dari tarikh premium yang perlu dibayar.
- * Pinjaman premium automatik akan diaktifkan secara automatik apabila premium tertunggak masih belum dibayar pada penghujung tempoh tangguh, dengan syarat polisi telah memperoleh nilai serahan untuk menolak premium yang belum dibayar. Polisi akan terus berkuatkuasa selagi baki nilai serahan mencukupi untuk membuat pembayaran tersebut.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

❓ Bolehkan saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh percuma** - Anda mempunyai kelayakan untuk membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi tersebut dalam tempoh lima belas (15) hari selepas polisi diterima oleh anda. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang kos perubatan yang ditanggung) akan dikembalikan kepada anda.
- **Selepas tempoh percuma**: Anda boleh membatalkan polisi dengan mengembalikan polisi kepada kami berserta permohonan serahan secara bertulis. Serahan Tunai (jika ada) akan dibayar kepada anda.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda.

- Saya mengakui bahawa Etiqa Life Insurance Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Pendedahan Produk bagi Triple Growth.
 Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam Helaian Pendedahan Produk ini bagi Triple Growth.

* Pengakuan pelanggan terhadap Helaian Pendedahan Produk ini tidak akan menjaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.

Nama:

Tarikh: